

# Tahap Kepuasan Penyediaan Fasilitas di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejagong, Batu Pahat

## *Satisfaction Level of Facilities Provision in Kangkar Senangar and Sejagong Orang Asli Villages, Batu Pahat*

Intan Nurhidayah Lim<sup>1</sup>, Indera Syahrul Mat Radzuan<sup>1,2\*</sup>, Zarina Shamsudin<sup>1,2</sup>, Nur Yuhanis Ismon<sup>1,2</sup>

*1 Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400 MALAYSIA.*

*2 Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400 MALAYSIA.*

\*Pengarang Utama: [syahrul@uthm.edu.my](mailto:syahrul@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2025.06.01.047>

### Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2025

Diterima: 30 April 2025

Diterbitkan: 30 Jun 2025

### Kata Kunci

Orang Asli, Fasilitas, Kualiti hidup, Tahap kepuasan

### Abstrak

Kebanyakan orang asli di Malaysia masih terpinggir dari segi sosial, ekonomi dan kebudayaan. Masyarakat orang asli di Malaysia dijaga di bawah seliaan sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Geografinya, majoriti masyarakat orang asli tinggal di kawasan luar bandar dan jauh ke pedalaman yang menghalang mereka daripada mengakses perkhidmatan dan kemudahan asas. Banyak projek pembangunan infrastruktur di Malaysia telah dicadangkan untuk menambah baik kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Namun, masyarakat ini masih ketinggalan dari segi infrastruktur berbanding kaum lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji jenis fasilitas yang terdapat di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejagong, Batu Pahat serta mengkaji tahap kepuasan masyarakat orang asli terhadap fasilitas yang disediakan. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggunakan kaedah campuran (triangulasi) iaitu melalui pemerhatian dan soal selidik. Analisis kajian ini mendapati bahawa masalah kerosakan jalan akibat larian air hujan, lampu jalan yang tidak berfungsi, dan kekurangan bekalan air bersih merupakan isu utama yang menghalang masyarakat menikmati fasilitas pada tahap yang memuaskan. Kajian ini menekankan pentingnya perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang lebih inklusif dan mampan untuk masyarakat Orang Asli.

### Keywords

Orang Asli, Fasilitas, Quality of life, Satisfaction level

### Abstract

*The majority of Indigenous people in Malaysia are still marginalized in terms of social, economic, and cultural aspects. The Indigenous*

---

*community in Malaysia is managed under the supervision of a department called the Department of Orang Asli Development (JAKOA). Geographically, most Indigenous people live in rural and remote areas, which hinders their access to basic services and facilities. Many infrastructure development projects in Malaysia have been proposed to improve the quality of life for the Indigenous community. However, this community is still behind in terms of infrastructure compared to other ethnic groups. Therefore, this study aims to examine the types of facilities available in Kampung Orang Asli Kangkar Senangar and Kampung Orang Asli Sejangong, Batu Pahat, as well as assess the level of satisfaction of the Indigenous community with the facilities provided. To achieve this objective, the study uses a mixed-method approach (triangulation), which includes observations and surveys. The analysis of the study found that the main issues hindering the community from enjoying satisfactory facilities include road damage due to rainwater runoff, non-functioning streetlights, and insufficient clean water supply. This study emphasizes the importance of planning and implementing more inclusive and sustainable development programs for the Indigenous community.*

---

## 1. Pendahuluan

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang unik disebabkan kerana rakyatnya yang berbilang kaum dan budaya. Malaysia terdiri dengan kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli dan Bumiputera Sabah serta Sarawak. Penyediaan fasiliti yang lebih lengkap dan inklusif sangat penting untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat orang asli. Kajian terkini oleh Zainal et al. (2022) mendapati bahawa projek pembangunan yang mengutamakan keperluan asas seperti bekalan air, elektrik, dan pendidikan memberi impak positif kepada kesejahteraan mereka. Selain itu, Norizan et al. (2023) menekankan bahawa pembangunan infrastruktur yang mesra komuniti dan berasaskan keperluan setempat dapat membantu meningkatkan akses kepada kemudahan tersebut. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan pembangunan yang lebih holistik dan berterusan sangat diperlukan untuk memastikan masyarakat orang asli dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan setara dengan kaum lain.

Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (2019), bagi melindungi dan menjaga hak Orang Asli dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat tersebut, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 1950 yang kemudiannya ditukar menjadi Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA). Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong terletak di Mukim Sri Medan, Batu Pahat. Kedua-dua kampung ini mempunyai Batin/Penghulu Orang Asli tersendiri, di mana Batin Kampung Orang Asli Kangkar Senangar ialah Lim bin Abdul Rahman dan Batin Kampung Orang Asli Sejangong ialah Zahid bin Khamis. Kampung Orang Asli Kangkar Senangar berkepadatan penduduk 51 orang manakala Kampung Orang Asli Sejangong berkepadatan penduduk 132 orang (JAKOA, 2021).

Di Malaysia, banyak projek pembangunan infrastruktur telah dicadangkan dan dilaksanakan untuk menambah baik kualiti hidup masyarakat Orang Asli termasuk penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur sosial. Namun, berbanding kaum lain di Malaysia, masyarakat Orang Asli masih ketinggalan dari segi kemudahan infrastruktur (Ramlee Abdullah, 2014). Menurut Seow (2015), kajian terhadap masyarakat Orang Asli di Kampung Peta, Johor menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan sosial dan fasiliti masih tidak mencukupi dan pengurusan fasiliti juga tidak dijalankan dengan baik. Menurut petikan sumber Berita Harian (2023), di Kluang terdapat penduduk kampung Orang Asli Sedohok yang terpaksa berjimat-cermat apabila menggunakan sir perigi dan sungai untuk mandi selepas bekalan air bersih yang dijanjikan sejak 10 tahun lalu masih belum menampakkan hasil.

Selain itu, menurut petikan Berita Harian (2023), menyatakan bahawa seramai 67 murid dan pelajar Orang Asli Pos Gob, Gua Musang tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran yang bermula pada Ahad lalu akibat jalan keluar dari pos tersebut rosak. Penduduk pos tersebut mendakwa hujan yang kerap berlaku menyebabkan jalan perhubungan ke perkampungan itu rosak teruk dan terdapat jambatan kayu yang runtuh akibat reput. Kajian ini dikhususkan terhadap dua buah perkampungan Orang Asli iaitu Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong di daerah Batu Pahat, Johor. Majoriti masyarakat di perkampungan ini adalah

Kepentingan kajian yang pengkaji kaji adalah pengkaji ingin memberi kesedaran kepada masyarakat luar bahawa masyarakat Orang Asli juga ingin merasai pemodenan. Selain itu, pengkaji ingin menjelaskan kepentingan kemudahan fasiliti kepada masyarakat Orang Asli untuk kemajuan dari segi pembangunan fizikal dan rohani.

## 2. Kajian Literatur

Pengkaji membuat rujukan ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat atau idea yang berkaitan dengan tajuk Tahap Kepuasan Penyediaan Fasilitas di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong, Batu Pahat.

### 2.1 Definisi Konsep

#### 2.1.1 Kepuasan

Kepuasan merupakan suatu perasaan senang atau kecewa yang dialami oleh seseorang, di mana ia muncul selepas membandingkan prestasi produk atau perkhidmatan yang difikirkan sesuatu yang dijangkakan. Jika prestasi sesuatu produk atau perkhidmatan itu menepati atau melebihi jangkauan maka ia akan mewujudkan rasa kepuasan dalam diri seseorang dan jika prestasi adalah dibawah jangkauan, seseorang itu akan merasa tidak puas hati atau kecewa (Simanihuruk, 2018).

#### 2.1.2 Orang Asli

Rajah 1 menunjukkan pecahan kumpulan kaum dan subkaum Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut, Orang asli dibahagikan kepada 3 kaum dan 18 subkaum. JAKOA melakukan pembahagian daripada kumpulan utama iaitu Senoi, Melayu-Proto dan Negrito kemudian dipecahkan kepada sub-sub kaum tersebut berdasarkan rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap subkaum tersebut. Masyarakat Orang Asli terdiri daripada 18 suku kaum yang terbahagi kepada 3 kumpulan iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto dan setiap kumpulan mempunyai 6 suku kaum (Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, 2023). Menurut Ghazali, K., Suffian, S. & Shamsudin, K. (2010) Orang Asli Jakun terbahagi kepada dua iaitu mereka yang tinggal di hutan dan mereka yang tinggal di pesisiran pantai yang dikenali sebagai Orang Laut.



**Rajah 1** Pecahan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan kaum dan subkaum

#### 2.1.3 Kampung

Kampung merupakan sebuah petempatan tradisi di kawasan desa dan mempunyai ciri-ciri tradisional yang tinggi dari segi sosio budaya dan fizikal (DPF Desa Negara 2030, 2017). Dasar itu juga turut menyenaraikan kategori kampung di Malaysia antaranya Kampung Tradisional, Kampung Nelayan, Kampung Tersusun, Kampung Atas Air, Kampung Orang Asli, Petempatan Tanah Rancangan FELDA/FELCRA/RISDA, Kampung Baru dan Petempatan Estet.

#### 2.1.4 Kualiti Hidup

Konsep kualiti hidup ditafsirkan sebagai kesejahteraan sesuatu masyarakat terhadap keadaan yang cukup (makan minum, pakaian, tempat tinggal), selesa (ekonomi), tenang (psikososial, kesihatan), segar (persekitaran) dan damai (suasana hidup sekeliling) yang memberi makna kepada kebahagiaan hidup seseorang (Sulaiman Md Yasin, et al., 2015). Menurut Hasnah et al. (2009) menerangkan bahawa tahap kualiti hidup dan kesejahteraan sesebuah masyarakat sangat berkait rapat dengan kriteria ketersampaian (accessibility). Pelbagai perkhidmatan asas dan kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat, terutamanya kepada golongan isi rumah yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan pada aras keselesaan yang minimum.

## 2.2 Jenis-Jenis Fasiliti Yang Perlu Ada di Sesebuah Kampung

Fasiliti umum bermaksud pekhidmatan dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan untuk keperluan orang ramai (Mohdrozaimin, 2021). Menurut Unit Perancang Ekonomi dengan Kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2011) dalam Laporan Kampung Sungai Lang Baru menyatakan jenis fasiliti yang diperlukan dalam sesebuah kampung adalah merangkumi infrastruktur asas, bekalan air, bekalan elektrik, capaian atau komunikasi, serta kemudahan masyarakat.

Dengan kemasukan kemudahan dan kemudahan di pusat kejiranan, peluang orang ramai bertemu antara satu sama lain semasa melakukan aktiviti harian mereka akan meningkat seiring dengan persatuan dan interaksi masyarakat (Platts-fowler dan Robinson, 2013).

## 2.3 Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)

Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) adalah suatu langkah kerajaan bagi menghadapi cabaran yang berkemungkinan berlaku di kawasan luar bandar dalam usaha mencapai visi luar bandar sejahtera. Dasar ini merangkumi 10 teras utama iaitu ekonomi, keusahawanan, modal insan, prasarana. Belia, wanita, kehidupan, sistem penyampaian, alam sekitar dan pembangunan.

Berdasarkan teras ke-4 iaitu Prasarana Lengkap dan Canggih (DPLB, 2020). Pernyataan kepada dasar teras ini adalah liputan prasarana luar bandar yang lengkap bagi peningkatan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Strategi yang dirancang adalah melengkapkan liputan prasarana asas di kawasan luar bandar, meningkatkan dan membudayakan sifat kepunyaan dalam kalangan komuniti terhadap prasarana awam dan pengurusan sisa pepejal dan kumbahan yang inovatif di luar bandar.

## 2.4 Pengukuran Kepuasan Masyarakat

Kepuasan masyarakat adalah perasaan senang atau kecewa seseorang yang dihasilkan daripada membandingkan prestasi sesuatu produk, layanan dan perkhidmatan dengan pengharapan seseorang (Atmaja, 2018). Menurut Samsurijan (2019), kualiti hidup merupakan instrinsik terhadap kesejahteraan masyarakat dan kepuasan mereka terhadap pembangunan.

Menurut Narayana (2009), penilaian terhadap kualiti hidup ini dianggap penting kerana melibatkan kehidupan manusia dan persekitarannya. Oleh itu, jelaslah bahawa kayu pengukur kepada kepuasan masyarakat dapat dilihat dari segi kualiti hidup masyarakat di sesuatu kawasan.

## 3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah suatu kaedah yang digunakan bagi melaksanakan penyelidikan dan menjawab permasalahan kajian. metodologi kajian akan menerangkan mengenai pelaksanaan keseluruhan kajian dengan lebih terperinci menerusi peringkat-peringkat pelaksanaan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Sehubungan dengan itu, rangka untuk melaksanakan kajian ini telah dibentuk agar proses kajian dapat dijalankan dengan lancar dan teratur mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

### 3.1 Carta Alir Metodologi Kajian

#### 3.1.1 Peringkat Pertama

Pemilihan tajuk kajian, mengenalpasti masalah, mereka persoalan dan objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini. Masalah kajian yang ditakrifkan dengan baik akan membantu pengkaji melalui semua peringkat kajian, daripada menetapkan objektif kajian sehinggalah pemilihan kaedah kajian.

#### 3.1.2 Peringkat Kedua

Kajian literatur dilakukan di mana pengkaji mendapatkan sumber bahan rujukan yang sahih seperti artikel, jurnal dan internet bagi menerangkan konsep dan definisi yang berkaitan dengan kepuasan, orang asli dan jenis fasiliti.

### 3.1.3 Peringkat Ketiga

Bagi menyiapkan kajian penyelidikan ini, pengkaji menggunakan pendekatan campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk memperolehi dan mengumpul maklumat. Pengumpulan maklumat dari sumber data melalui maklum balas dan pandangan mereka yang terlibat atau yang tinggal di lokasi kawasan kajian iaitu Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong.

### 3.1.4 Peringkat Keempat

Kesemua data dan maklumat yang diperolehi pada peringkat ketiga akan diolah dan dianalisis. Hasil kajian akan tunjukkan dalam pelbagai bentuk seperti dalam bentuk graf, jadual, carta pai dan sebagainya untuk menunjukkan hasil analisis dengan lebih efektif.

### 3.1.5 Peringkat Kelima

Rumusan dibentuk untuk menunjukkan sama ada matlamat kajian telah dicapai atau tidak. Semua pendapat dan cadangan yang diperolehi daripada dapatan kajian juga akan dibentuk supaya dapat memberi kesinambungan kajian di masa akan datang.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik bagi menjawab objektif kedua kajian ini. Pengkaji akan pergi ke kawasan kajian untuk membuat pemerhatian ke atas jenis fasiliti yang terdapat di kedua-dua perkampungan untuk menjawab objektif pertama kajian. Kajian ini memfokuskan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang tinggal di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong.

## 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kualitatif digunakan sebagai sumber utama untuk mengumpul data dan maklumat untuk menjawab objektif pertama iaitu mengkaji jenis-jenis fasiliti yang terdapat di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong, Batu Pahat. Manakala kaedah kuantitatif digunakan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian yang berkaitan dengan objektif kedua iaitu mengkaji tahap kepuasan masyarakat Orang Asli terhadap fasiliti yang disediakan. Kaedah kuantitatif ini digunakan dengan membuat borang soal selidik dan diberikan kepada penduduk Orang Asli Kampung Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong.

## 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah kaedah soal selidik dan pemerhatian.

## 3.5 Kaedah Persampelan

Keseluruhan populasi kajian adalah seramai 183 Orang iaitu seramai 51 orang penduduk yang tinggal di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan 132 orang penduduk yang tinggal di Kampung Orang Asli Sejangong. Menurut jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970), anggaran jumlah responden untuk kajian ini adalah seramai 125 Orang.

## 3.6 Analisis Data dan Dapatan Kajian

### 3.6.1 Teknik Analisis

Pengkaji menggunakan perskalaan Likert dalam menentukan jumlah skor bagi faktor-faktor yang dikaji. Dengan pembentukan julat indeks dan purata skor yang akan disusun mengikut pernyataan yang paling dipersetujui sehingga pernyataan yang paling tidak dipersetujui.

### 3.6.2 Kaedah Analisis Deskriptif

Pengkaji menggunakan teknik analisis deskriptif bagi kajian ini dengan menggunakan peratusan, min, dan sisihan piawai. Perisian Microsoft Excel juga digunakan untuk mengukur analisis deskriptif manakala analisis korelasi digunakan untuk mengenal pasti tahap kepuasan masyarakat Orang Asli terhadap fasiliti yang disediakan di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong.

## 4. Analisis Kajian

### 4.1 Penganalisan Melalui Senarai Semak Pemerhatian Berdasarkan Kategori Fasiliti

Melalui kaedah ini, pengkaji telah turun ke kawasan kajian untuk membuat semakan terhadap fasiliti yang terdapat di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong mengikut kategori di dalam senarai semak.

#### (a) Infrastruktur Asas

Pemerhatian ke atas keadaan jalan kampung di kedua-dua belah kampung sedikit berliku-liku dan terdapat jalan di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar yang ditimbusi dengan tanah/pasir yang terkumpul akibat larian air permukaan yang membawa sedimen semasa hujan lebat. Kedua-dua belah kampung menggunakan bekalan elektrik yang dibekalkan melalui grid iaitu bekalan 24 jam. Kampung Kangkar Senangar mempunyai 20 buah lampu jalan yang disediakan namun hanya 3 buah lampu jalan yang berfungsi manakala Kampung Sejangong mempunyai 53 buah lampu jalan dan yang berfungsi sebanyak 17 buah lampu jalan.



#### (b) Bekalan Air

Pemerhatian terhadap bekalan air di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar mendapati terdapat 2 buah rumah yang masih lagi menggunakan perigi/telaga (air tidak terawat). Namun begitu, telaga ini hanya digunakan untuk aktiviti cucian sahaja. Ini kerana, masyarakat kampung menggunakan sumber air tiubwell (air tidak terawat) yang disumbangkan oleh pihak UTHM pada tahun 2020 yang kemudiannya berlanjutan kepada teknologi (Sistem Rawatan Air dengan Tenaga Solar) REWART untuk membantu mendapatkan bekalan air terawat yang dilancarkan pada 7 November 2024. Manakala bekalan air di Kampung Orang Asli Sejangong dibekalkan melalui sistem bekalan air awam dari Syarikat Air Johor (SAJ).



#### (c) Kemudahan Masyarakat

Berdasarkan pemerhatian di kedua-dua buah kampung, pengkaji mendapati jarak dengan kemudahan pendidikan dan adalah sedikit jauh. Sekolah rendah terdekat di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK (C) Chong Hwa iaitu 6 KM dari kampung. Sementara sekolah rendah kebangsaan adalah 13.4 KM dan jarak dari kampung ke sekolah menengah pula ialah 12.6 KM iaitu SMK Dato' Sulaiman.

Manakala sekolah rendah terdekat adalah Sekolah Kebangsaan Sejangong iaitu 4 KM manakala sekolah menengah berhampiran adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Medan iaitu 15.5 KM. Bagi kemudahan kesihatan, klinik desa berada hanya 3.1 KM dari kawasan kampung. Kemudahan kemasyarakatan lain



seperti surau dan balai raya berada dalam kawasan kampung. Balai polis berdekatan adalah Balai Polis Sri Medan iaitu 18.3 KM.

#### (d) *Capaian/Komunikasi*

Pemerhatian mendapati jaringan internet dan telefon di kawasan Kampung Orang Asli Kangkar Senangar boleh didapati di kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti balai raya sedangkan di kawasan surau jaringan internet menjadi 'tiada perkhidmatan' manakala jaringan internet dan telefon di Kampung Orang Asli Sejangong dalam keadaan baik berdasarkan pemerhatian pengkaji di beberapa kawasan seperti balai raya, tanah perkuburan, dan surau kampung.



Foto 4.22: Internet di Dalam Surau KOA Kangkar Senangar



Foto 4.23: Internet di Balai Raya KOA Kangkar Senangar



Foto 4.24: Internet di Sepanjang Berada di KOA Sejangong

## 4.2 Penganalisaan Melalui Borang Soal Selidik

Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik yang merangkumi soalan berkaitan demografi responden, infrastruktur asas, utiliti dan telekomunikasi, kemudahan kesihatan, dan kemudahan masyarakat.


**Jadual 1** Ringkasan demografi responden

Item	Kategori	Bilangan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	558	46.4
	Perempuan	67	53.6
Umur	Bawah 20 Tahun	18	14.4
	21-30 tahun	46	36.8
	31-40 tahun	31	24.8
	41-50 tahun	23	18.4
	51-60 tahun	7	5.6
	61-70 tahun	1	0.8
	71 tahun ke atas	0	0
Kawasan menetap	Kampung Orang Asli Kangkar Senangar	50	40
	Kampung Orang Asli Sejagong	75	60
	Taraf pendidikan	Tidak berpendidikan	2
Taraf pendidikan	PMR/PT3	23	18.4
	SPM	67	53.6
	STPM/Diploma	23	18.4
	Ijazah Sarjana Muda	10	8
	Sarjana	0	0
	Pekerjaan	Tidak bekerja	23
Petani		1	0.8
Bekerja sendiri		26	20.8
Pelajar		26	18.4
Pekerja swasta		30	24
Pekerja kerajaan		18	14.4
Pesara		3	2.4
Peniaga		1	0.8

Seramai 183 Orang responden yang terdiri daripada penduduk Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejagong telah memberikan kerjasama yang baik untuk membantu dalam kaji selidik ini.


#### 4.2.1 Infrastruktur Asas

Rajah 2 menunjukkan majoriti responden membawa nilai mod 4 iaitu "Setuju" bahawa sistem perparitan di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli sejagong adalah baik dan sistematik serta mengakui bahawa sumber bekalan air adalah bersih dan selamat digunakan. Selain itu, nilai mod bagi gambaran keseluruhan bagi akses jalan raya di kampung adalah 3 iaitu "tidak pasti". Hal ini berkebarangkalian berlaku disebabkan keseimbangan antara pemilihan jawapan responden antara setuju dengan tidak setuju. Seterusnya, majoriti responden membawa nilai mod 2 iaitu "tidak setuju" bahawa jalan kampung dilengkapi dengan lampu jalan yang berfungsi.



Rajah 2 Tahap kepuasan terhadap infrastruktur asas

Rajah 3 menunjukkan, majoriti pemilihan responden membawa kepada mod 1 iaitu “tidak pernah” pada item pernah jumlah kekerapan kejadian banjir di kedua-dua kampung. Selain itu, kebanyakan responden menjangkau mod 3 iaitu “kadang-kadang” bagi item kekerapan mengalami gejala gatal-gatal dan cirit-birit apabila menggunakan sumber air di kampung ini.



Rajah 3 Tahap kepuasan terhadap infrastruktur asas


Berdasarkan Rajah 4, kekerapan kepada likert penegasan bagi pernyataan “adakah kawasan kampung ini pernah mengalami bencana banjir” menunjukkan kebanyakan responden menyatakan “tidak” adalah selaras dengan pernyataan item pertama dalam jadual 4.7 di mana majoriti responden bersetuju bahawa sistem perparitan di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli sejagong adalah baik dan sistematik.



#### Rajah 4 Tahap kepuasan terhadap infrastruktur asas


### 4.2.2 Utiliti dan Telekomunikasi

Rajah 5 menunjukkan majoriti pemilihan responden membawa kepada mod 4 iaitu “setuju” pada item faktor geografi atau kedudukan lokasi kampung menjadi punca kelemahan jaringan internet. Manakala pemilihan responden yang pelbagai pandangan dari kedua-dua kampung membawa kepada mod 3 iaitu “tidak pasti” terhadap pernyataan tentang kemudahan internet di kampung ini adalah memuaskan.



Rajah 5 Tahap Kepuasan terhadap utiliti dan telekomunikasi

Rajah 6 pula memaparkan bahawa kekerapan dan peratusan yang paling tinggi berkaitan dengan kaedah pembayaran bil utiliti adalah pembayaran atas talian iaitu sebanyak 91 orang responden (62%). Hal ini demikian kerana, kaedah pembayaran ini lebih mudah dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Seterusnya, kekerapan dan peratusan kaedah pembayaran bil utiliti kedua tertinggi adalah melalui kaedah kaunter pembayaran iaitu seramai 48 orang responden (33%). Sementara itu, kekerapan dan peratusan kaedah pembayaran bil utiliti yang paling sedikit digunakan adalah melalui kad kredit iaitu hanya 7 orang responden (5%). Soalan ini menerima banyak jawapan melebihi jumlah responden iaitu 146 jawapan disebabkan kerana terdapat responden yang menggunakan kaedah pembayaran bil utiliti yang tidak tetap.




Rajah 6 Kaedah pembayaran bil utiliti

### 4.2.3 Kemudahan Kesihatan


Rajah 7 menunjukkan majoriti pemilihan responden membawa kepada mod 4 iaitu “setuju” pada semua item yang dinyatakan dalam soal selidik mengenai kemudahan kesihatan di Klinik Desa (KD). Oleh itu, jelaslah bahawa, majoriti responden sangat berpuas hati dengan kemudahan kesihatan yang disediakan di kawasan

kajian.



**Rajah 7** Tahap kepuasan terhadap kemudahan kesihatan


Rajah 8 menunjukkan majoriti pemilihan responden membawa kepada mod 3 iaitu “tidak pasti” pada item “Agensi kesihatan (KKM) melakukan langkah kawalan kesihatan sekitar iaitu semburan kabus (fogging) nyamuk” dan item “Agensi kesihatan (KKM) menjalankan program tahunan kesihatan seperti pengambilan sampel darah dan pemeriksaan kesihatan”. Ini menunjukkan kebarangkalian tinggi mereka tidak dapat memastikan jumlah kekerapan program kesihatan yang dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di kampung mereka.



**Rajah 8** Tahap kepuasan terhadap kemudahan kesihatan


#### 4.2.4 Kemudahan Masyarakat

Rajah 9 menunjukkan majoriti pemilihan responden membawa kepada mod 4 iaitu “setuju” pada semua item yang dinyatakan dalam soal selidik mengenai kemudahan masyarakat Orang Asli di kampung mereka. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa, majoriti responden sangat berpuas hati dengan kemudahan masyarakat yang disediakan di kawasan kajian.



**Rajah 9** Tahap kepuasan terhadap kemudahan masyarakat

Antara program dan aktiviti yang dinyatakan oleh responden kajian adalah seperti program mengaji atau kelas agama setiap minggu, ceramah kesihatan, qurban atau program asnaf. Pengkaji mendapati bahawa program mengaji atau kelas agama adalah jawapan yang paling banyak diterima dalam soal selidik ini. Oleh itu, jelaslah bahawa, pihak Pejabat Agama Batu Pahat sentiasa peka terhadap keperluan rohani masyarakat di kawasan kajian.



**Rajah 10** Aktiviti/program kerohanian di surau kampung oleh pihak Pejabat Agama Batu Pahat

## 5. Kesimpulan

Kajian ini meneliti tahap kepuasan masyarakat orang asli terhadap fasiliti di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong, Batu Pahat. Pengkaji menggunakan pendekatan campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif melalui soal selidik dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, kemudahan komunikasi, dan infrastruktur di kampung ini masih belum setara dengan kawasan bandar. Ini memberi kesan kepada kualiti hidup masyarakat setempat. Kajian ini mencadangkan peningkatan dalam penyediaan fasiliti bagi memastikan pembangunan sosial, ekonomi, dan budaya komuniti orang asli lebih seimbang.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran jelas mengenai tahap kepuasan terhadap penyediaan fasiliti masyarakat orang asli di Kampung Orang Asli Kangkar Senangar dan Kampung Orang Asli Sejangong, Batu Pahat. Penemuan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha oleh pihak berwajib dalam menyediakan infrastruktur asas seperti jalan berturap, lampu jalan, dan bekalan air, masih banyak kekurangan yang perlu diatasi. Masalah seperti kerosakan jalan akibat larian air hujan, lampu jalan yang tidak berfungsi, dan kekurangan bekalan air bersih merupakan isu utama yang menghalang masyarakat menikmati fasiliti pada tahap yang memuaskan. Hal ini membuktikan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memperbaiki penyediaan fasiliti asas bagi memastikan kesejahteraan masyarakat terpelihara.

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan pentingnya perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang lebih inklusif dan mampan untuk masyarakat Orang Asli. Pihak berwajib perlu memastikan fasiliti asas yang disediakan tidak hanya mencukupi, tetapi juga berfungsi dengan baik dan relevan dengan keperluan masyarakat. Kajian ini juga membuka ruang untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam dalam aspek sosioekonomi, budaya, dan pendidikan bagi memahami secara holistik keperluan masyarakat Orang Asli. Dengan komitmen yang berterusan, usaha pembangunan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli dan mengurangkan jurang ketidaksamarataan antara kawasan bandar dan luar bandar.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia di atas segala sokongan yang diberi.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Intan Nurhidayah Lim dan Indera Syahrul Mat Radzuan; **pengumpulan data:** Intan Nurhidayah Lim; **analisis dan interpretasi hasil:** Intan Nurhidayah Lim, Indera Syahrul Mat Radzuan, **penyediaan draf manuskrip:** Intan Nurhidayah Lim, Indera Syahrul Mat Radzuan, Zarina Shamsudin, Nur Yuhanis Ismon. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip

## Rujukan

- Abu Talib, Z., Yusoff, N. A., Tajul Baharuddin, M. F., Hiyama Abdullah, N. S. J., Philip, S., Che Ismail, S. A., Abd Alim, N., Mohd. Sharif, M. A., Abd. Jalil, M. F., Abd. Karim, K., & Abdul Rahman, L. (2023). Jejak Sejarah: Historical Traces of Sri Medan & Parit Sulong. Penerbit UTHM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2021, Februari). Senarai Kampung Orang Asli di Seluruh Malaysia Beserta Kepadatan Penduduk Sehingga November 2020. [JAKOA website].  
<https://www.jakoa.gov.my/wp-content/uploads/2021/02/jakoasenarai-kampung-orang-asli-di-seluruh-malaysia-beserta-kepadatan-penduduk-sehingga-novembe.xlsx>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Malaysia). (2017). Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030). Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia. [Retrieved April 27, 2024, from <https://www.planmalaysia.gov.my/>]
- Kamaruddin, S. M. (2018). The satisfaction level of indigenous people towards planned housing development. Case study: Orang Asli Kg. Sejangong, Sri Medan, Yong Peng Johor. IOP Conference Series: Earth and Environmental Science, 117(1), 012018. [DOI: 10.1088/1755-1315/117/1/012018]
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (Malaysia). (2020). Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB).  
<https://www.rurallink.gov.my/dasar-pembangunan-luar-bandar-dplb/>
- Mohdr Rozaimin. (2021, February 13). Fasiliti dan perkhidmatan acara - JPPKK AnyFlip. Retrieved from <https://anyflip.com/qzciw/fbyt/basic>
- Muhammad Eizaz Dhiya Bin Ishak, & Tajul Baharuddin, M. F. . (2023). Study On pH Reduction Between Ceramic Flat and Sand Filtration Method In Kangkar Senangar, Parit Sulong, Johor. Progress in Engineering Application and Technology, 4(1), 783-792.  
<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/peat/article/view/10071>
- Norizan, M., Ahmad, R., & Haji Muda, A. (2023). Pembangunan Komuniti Orang Asli di Pahang: Cabaran dan Peluang. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 45(2), 112-125.

- Unit Perancang Ekonomi dengan Kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2011). Laporan Kampung Sungai Lang Baru. Retrieved from <https://www.selangor.gov.my/kualalangat.php>
- Yew, V. W. C., Farisin, S. F. Md., & Ahmad, M. R. (2019). Pendekatan kualitatif untuk memahami kualiti hidup masyarakat orang asli di Pahang [A qualitative approach to understanding the quality of life of the Orang Asli community in Pahang]. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 191-205. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-14>
- Zainal, M., Ismail, N., & Nor, F. (2022). Keperluan Infrastruktur di Perkampungan Orang Asli: Kajian Kes di Negeri Johor. *Jurnal Pembangunan Masyarakat*, 37(4), 81-96.